

BULETIN UTHM

Bil.2 Februari 2025 | ISSN 2232-0415



UTHM jana RM5 juta dana sumbangan 2024 bantu kebajikan pelajar

ISSN 2232-0415



UTHM Johor



www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM jana RM5 juta dana sumbangan 2024 bantu kebajikan pelajar
- 3 UTHM kekal di kelompok tiga terbaik dalam Penarafan MyMoheS
- 4 UTHM lancar pembinaan Kompleks Husnul Khatimah Yayasan UTHM dan Inisiatif Kampung/ Mukim Angkat UTHM
- 6 Cuti Semester: UTHM bantu pelajar pulang ke kampung halaman
- 7 UTHM dan GITC jalin kerjasama strategik dalam penyelidikan, latihan dan penempatan TVET
- 9 UTHM-IKIM teruskan kerjasama lima tahun lagi, perkukuh paradigma tauhid
- 10 UTHM jalin kerjasama strategik dengan beberapa universiti di Uzbekistan
- 11 UTHM dilantik Rakan Strategik Pendidikan Digital Santuni Madani
- 12 UTHM raih juara sulung di pertandingan inovasi dan perniagaan 'The GREAT Challenge Demo Day'
- 14 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



UTHM jana RM5 juta dana sumbangan 2024 bantu kebajikan pelajar



Oleh Suriyati Baharom

BATU PAHAT, 28 Feb 2025 – Sebagai tanda prihatin, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjana RM5 juta dana sumbangan pada tahun 2024 bagi membantu kebajikan para pelajar terutama golongan B40.

Dana yang dikumpulkan di bawah Kluster UTHM Prihatin itu adalah hasil sumbangan pelbagai pihak antaranya kakitangan universiti, orang awam, industri dan badan korporat.

Menurut Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, dana yang terkumpul itu telah memberi manfaat kepada 11,899 penerima yang terdiri daripada pelajar golongan B40.

"Bantuan yang mereka terima adalah berbentuk tunai melibatkan peruntukan sebanyak RM4,591,535.09, yang disalurkan melalui bantuan zakat dan sumbangan daripada Yayasan UTHM, Dermasiswa Pusat Islam, Dermasiswa My Brighter Future serta Dermasiswa TVET B40.

"Manakala bantuan berbentuk *in-kind* pula melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM366,180.00, yang disumbang oleh pihak seperti Percetakan Yayasan Islam Johor (PIJ), Mudik Raya Borneo, Yayasan UTHM, Yayasan Taqwa dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, UTHM," katanya.

Selain itu, bagi meringankan beban kos sara hidup pelajar sepanjang pengajian, mereka turut diberi makanan secara percuma melalui program Foodbank Siswa, Sabil Al-Hikmah dan Gerobok Rezeki.

Manakala bentuk bantuan lain yang disalurkan termasuklah dana ihsan, bantuan yuran pengajian, kesihatan dan insurans pelajar, Program Sulung dan bantuan pendidikan daripada Yayasan Pelajaran Mara (YPM), Yayasan Perkasa Siswa (YKS), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Yayasan Maghfirah.

Dato' Ruzairi berkata setiap tahun UTHM akan memperuntukkan sejumlah dana bagi membantu para pelajar dan staf yang memerlukan, sekali gus menyokong usaha pembangunan infrastruktur pendidikan di kampus.

Selain itu, bagi menzahirkan keprihatinan universiti kepada masyarakat setempat, UTHM turut memberi manfaat kepada golongan asnaf dan komuniti luar yang ditimpa musibah.

"Inisiatif yang telah dilaksanakan ini mencerminkan keperihatinan universiti dalam menyokong usaha kebajikan dan pembangunan pendidikan khusus untuk manfaat warga universiti dan juga komuniti setempat," katanya.

Beliau yang mewakili universiti turut merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam menyokong kesemua program kebajikan dan pembangunan pendidikan yang telah dilaksanakan pada tahun lalu dan tahun-tahun sebelumnya.





UTHM kekal di kelompok tiga terbaik dalam Penarafan MyMoheS

Oleh Dr. Muhammad Ammar Shafi

Batu Pahat, 5 Mac 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus mengukuhkan reputasinya dalam pendidikan tinggi apabila berjaya mengekalkan kedudukannya di kelompok tiga terbaik Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam MyMoheS buat tiga kali berturut-turut.

Penarafan itu penting bagi menilai tahap kecekapan universiti awam dalam penyediaan data dan jaminan kualiti data empat modul penilaian utama iaitu modul pelajar, modul staf, modul penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta modul institusi.

Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata bahawa pencapaian itu mencerminkan komitmen universiti dalam menambahbaik berterusan tadbir urus pendidikan, pelajar, penyelidikan dan pengurusan institusi secara keseluruhan, selari dengan transformasi SPEED yang menjadi tunjang kepada tadbir urus universiti tahun 2025.

"UTHM sentiasa berusaha untuk memastikan kualiti akademik dan pentadbiran berada pada tahap terbaik.

"Kejayaan ini bukan hanya mencerminkan kecemerlangan universiti, tetapi juga usaha berterusan seluruh warga UTHM dalam memastikan kemajuan institusi selaras dengan aspirasi pendidikan tinggi negara," katanya.

Penarafan MyMoheS merupakan sistem pengukuran komprehensif universiti awam yang menilai kecekapan dalam pengurusan data, ketepatan dan kualiti maklumat yang dihantar, serta pematuhan terhadap piawaian data yang telah ditetapkan untuk memastikan keaslian dan kebolehpercayaan data yang dikumpulkan.

Konsistensi UTHM dalam kelompok tiga terbaik membuktikan keupayaan universiti untuk melaksanakan tadbir urus yang cekap dan baik serta mengekalkan kecemerlangan dalam ekosistem pendidikan tinggi.

Tambah Dato' Ruzairi, UTHM akan terus memperkukuh tadbir urus dan strategi akademik, memperluaskan kolaborasi penyelidikan dan meningkatkan kebolehpasaran graduan bagi mengekalkan momentum kecemerlangan seumpama itu.

"Kami akan terus berinovasi dan berusaha mencipta rekod kejayaan yang lebih tinggi, bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa," katanya.

Dengan pencapaian yang konsisten ini, UTHM semakin diiktiraf sebagai antara institusi pendidikan tinggi terbaik di Malaysia, sekali gus memperkukuh daya saingnya dalam menghasilkan graduan berkualiti serta penyelidikan berimpak tinggi.



UTHM lancar pembinaan Kompleks Husnul Khatimah Yayasan UTHM dan Inisiatif Kampung/ Mukim Angkat UTHM

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melancarkan pembinaan sebuah pusat penjagaan warga emas yang dinamakan Kompleks Husnul Khatimah pada 19 Februari 2025 bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Kompleks Husnul Khatimah yang bakal dibina seluas 1.13 ekar di Mukim Dengkil, Sepang, Selangor itu bukan sekadar pusat penjagaan tetapi juga sebuah institusi yang berperanan dalam mendidik dan membimbing masyarakat menghadapi fasa kehidupan yang semakin mencabar ini.

Majlis peluncuran telah disempurnakan oleh Dato' (Dr.) Haji Nooh Gadot, Ahli Lembaga Pengarah UTHM merangkap Pengerusi UTHM Prihatin dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UTHM.

Beliau dalam ucapannya menyeru masyarakat untuk bersama menyokong pembangunan kompleks itu melalui sumbangan sedekah dan wakaf demi kesejahteraan penghuni yang bakal menerima manfaatnya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq dalam ucapannya berkata kompleks itu juga akan menyediakan pelbagai kemudahan yang memenuhi keperluan fizikal, mental dan spiritual warga emas.

Antara kemudahan utama yang akan disediakan termasuk pusat pengajian Islam, program bimbingan rohani, kaunseling, serta aktiviti yang menekankan nilai ukhuwah dan kebajikan.

Tambah beliau yang mewakili Naib Canselor ke majlis peluncuran tersebut, kompleks itu juga akan menjadi pusat latihan pengurusan jenazah dan wasiat, sekali gus sebagai usaha mendidik generasi muda tentang tanggungjawab terhadap golongan yang lebih tua.

"Lebih membanggakan, pembangunan kompleks itu tidak hanya bertumpu kepada kesejahteraan penghuni tetapi turut menggalakkan penyertaan aktif masyarakat melalui program kesukarelawanan, amal jariah dan wakaf.

"Dengan sokongan semua pihak, kita yakin bahawa Kompleks Husnul Khatimah akan menjadi model unggul dalam usaha menyediakan persekitaran yang holistik dan patuh syariah untuk warga emas," katanya.

Turut diadakan, peluncuran Inisiatif Kampung/Mukim Angkat UTHM bertujuan meningkatkan jalinan kerjasama antara UTHM dan komuniti setempat serta memperkukuh pemindahan ilmu dan kemahiran melalui pendekatan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Pelaksanaan program Kampung/ Mukim Angkat UTHM yang melibatkan 31 kampung dari lima daerah di Johor itu juga bertujuan memberi manfaat langsung kepada penduduk melalui aktiviti kemasyarakatan dan bimbingan keusahawanan yang dapat mencungkil bakat baru serta membuka peluang ekonomi baharu.

Program ini menjadi pemangkin kepada pembangunan mampan, memastikan komuniti luar bandar turut menikmati kemajuan sejajar dengan keperluan industri dan ekonomi negara.

Untuk rekod, sebahagian daripada kampung terlibat telah mendapat khidmat nasihat untuk geran Sejati Madani, yang mana UTHM terlibat dalam pemindahan

ilmu dan teknologi serta pelaksanaan program untuk kesejahteraan masyarakat seperti penyerahan lampu solar dan set hidroponik ke kampung-kampung sekitar UTHM.

"Peluncuran Kampung/ Mukim Angkat ini merupakan sebahagian daripada inisiatif menyeluruh UTHM dalam memperkasa komuniti setempat selari dengan peranan universiti sebagai institusi pemacu perubahan sosial.

"Dengan komitmen tinggi terhadap agenda Universiti untuk Masyarakat (UA), UTHM berhasrat menjadikan kampung dan mukim angkat ini sebagai ekosistem pembangunan lestari yang berteraskan TVET dan inovasi," tambah Prof. Abdul Rasid.





Cuti Semester: UTHM bantu pelajar pulang ke kampung halaman

BATU PAHAT - Sebagai tanda prihatin terhadap kebajikan pelajarnya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program 'Jom Balik Kampung 4.0' dan 'Amal Transit' bagi membantu pelajar Semenanjung dan Borneo pulang ke kampung halaman masing-masing dengan selesa dan selamat.

Program 'Jom Balik Kampung 4.0' di bawah kendalian Persatuan Mahasiswa/i Sabah UTHM (PERMAS) dan Persatuan Mahasiswa/i Sarawak UTHM (MAHASS) itu melibatkan penghantaran seramai 65 pelajar ke lapangan terbang Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

Manakala bagi pelajar Semenanjung, UTHM melalui program 'Amal Transit' kendalian Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) turut menghantar seramai 129 pelajar ke terminal bas berdekatan seperti Batu Pahat, Muar dan Ayer Hitam.

Dengan semangat kebersamaan yang terus mekar, program yang bermula pada 8 hingga 18 Februari ini bukan sekadar perjalanan pulang ke kampung

halaman tetapi juga sebagai satu usaha dalam membina jaringan sosial yang kukuh dan menyatukan hati pelajar di perantauan.

Suasana ceria dan semangat kekitaan yang terpancar di wajah mereka sekali gus mempamerkan betapa kuatnya hubungan kekeluargaan dalam kalangan pelajar UTHM yang berada di perantauan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq turut hadir bertemu dan menyaksikan persiapan pelajar untuk menaiki bas yang disediakan.

Kehadiran beliau bukan sahaja menyuntik semangat kepada para peserta, malah turut mencerminkan komitmen universiti dalam menyokong kebajikan pelajar dari Borneo.

Sementara itu, pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) dan MPP juga turut mengagihkan santapan ringan kepada para pelajar terbabit sebagai bekalan menghadapi perjalanan yang jauh ke kampung halaman.

NATIONAL 2025 MYAERO TVET SYMPOSIUM

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) SIGNING



UTHM dan GITC jalin kerjasama strategik dalam penyelidikan, latihan dan penempatan TVET

KUALA LUMPUR - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Government-Industry TVET Coordination Body (GITC) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 13 Februari 2025 di World Trade Centre Kuala Lumpur bagi menjalin kerjasama strategik dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

MoU yang diadakan bersempena program National MYAERO TVET Symposium 2025 itu diwakili oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, manakala GITC diwakili oleh Ahli Lembaga Pengarah, Dato' Palaniappan A/L Joseph merangkap ahli High-Level Committee (HLC), Majlis TVET Malaysia (MTVET).

Kerjasama tersebut dilaksanakan bagi memberi impak positif kepada ekosistem TVET negara, selain sebagai usaha meningkatkan kualiti penyelidikan, latihan, penerbitan dan kebolehpasaran graduan TVET.

Untuk rekod, UTHM merupakan universiti pertama dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang menjalinkan kerjasama dengan GITC.

Kerjasama yang bakal terjalin merangkumi beberapa bidang utama iaitu melibatkan projek penyelidikan dan perundingan yang berfokus kepada peningkatan kualiti dan inovasi dalam TVET.

Selain itu, kedua-dua institusi bakal bekerjasama dalam program latihan, pensijilan dan pembangunan profesional untuk staf dan tenaga pengajar TVET, termasuk penganjuran bengkel, seminar dan kursus jangka pendek serta pembangunan kurikulum yang relevan dengan keperluan industri.

Kerjasama itu juga bagi membuka peluang penempatan industri untuk pelajar UTHM di syarikat-syarikat yang berkolaborasi dengan GITC, serta peluang latihan dan pembangunan kerjaya untuk staf GITC di UTHM, bagi memastikan graduan TVET memenuhi keperluan industri.

Menurut Dato' Ruzairi, kerjasama itu merupakan satu lagi pencapaian penting dalam mengembangkan rangkaian teknikal UTHM dengan rakan kerjasama yang boleh dipercayai.

"Antara program kolaborasi yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat adalah menjadi rakan

penyelidikan yang diketuai oleh Pengarah Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia (MyRIVET), Prof. Madya Ts. Dr. Badaruddin Ibrahim," katanya.

Sementara itu, Dato' Palaniappan pula berkata inisiatif seumpama itu penting bagi merapatkan jurang antara industri dan pendidikan TVET, di samping memberi peluang kepada graduan TVET mendapatkan penempatan kerja yang setara dengan

bidang pengajian, agar pendedahan dan peningkatan kemahiran mereka dapat ditingkatkan.

"Ia juga bagi membantu syarikat mendapat individu yang berbakat dan graduan yang dilengkapi dengan kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan, sekali gus memastikan tenaga kerja pakar negara sentiasa mencukupi," tambah beliau.



NATIONAL 2025 MYAERO TVET SYMPOSIUM

EMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) SIGNING





UTHM-IKIM teruskan kerjasama lima tahun lagi, perkukuh paradigma tauhid

KUALA LUMPUR, 18 Februari 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) meneruskan jalinan kerjasama lima tahun lagi sehingga tahun 2030 dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan, penganjuran program, kursus, bengkel, latihan dan perundingan bagi memperkukuhkan paradigma tauhid selaras dengan misi universiti.

Kesinambungan kerjasama ini melibatkan aktiviti memberi kefahaman Islam yang sebenarnya berasaskan fahaman ahli sunnah wal jamaah demi menjaga kesucian ajaran Islam yang sebenar tanpa menyentuh perkara-perkara retorik atau menyimpang dari jalan yang ditetapkan.

Inisiatif itu selaras dengan titah Tuanku Sultan Johor pada tahun 2010 semasa menyempurnakan Majlis Multaqa Ulama' dan Ilmuan Darul Ta'zim yang menyarankan agar kumpulan pemikir dan penulis Islam diwujudkan bagi memperkukuhkan Ahli Sunnah Wal Jamaah di negeri Johor khasnya dan Malaysia amnya.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dan IKIM yang berlangsung di Dewan Sajjan, IKIM telah diwakili Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Madya Dr Afandi Ahmad manakala IKIM pula diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adli.

Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ), UTHM Prof. Madya Dr Khairun Nidzam Ramli berkata jalinan kerjasama bersama IKIM di peringkat persekutuan dalam usaha menyebarkan kefahaman tentang Islam secara global akan perluaskan lagi dari segi perkongsian ilmu, pengalaman dan sumber yang ada antara kedua-dua pihak demi manfaat yang besar dalam melahirkan generasi yang berkemahiran tinggi, berakhlak mulia dan berdaya saing di peringkat global berlandaskan paradigma tauhid.

"Sebagai umat Islam, kita perlu memperkukuhkan diri dengan ilmu akidah sebenar dan menjauhi segala unsur fahaman yang bertentangan dengan ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Untuk itu, wajib bagi umat Islam untuk mengenal akidah dan memahami serta mengikut fahaman sebenar Ahli Sunnah Wal Jamaah", tambahnya lagi.

Pada majlis ringkas tersebut, UTHM melalui Pusat Hubungan Universiti dan Industri (ICRC), turut menyampaikan cenderamata berupa No. Plat Kenderaan 'UTHM 1610' kepada pihak IKIM sebagai tanda penghargaan menjadi rakan strategik utama kepada UTHM.



UTHM jalin kerjasama strategik dengan beberapa universiti di Uzbekistan

TANJUNG MALIM, 4 Februari 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjalin kerjasama strategik dengan beberapa universiti di Uzbekistan dalam usaha memperkukuh hubungan akademik dan penyelidikan antarabangsa.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Surat Niat (LoI) itu telah diadakan bersempena Forum Pendidikan Tinggi antara Malaysia dan Republik Uzbekistan bertemakan "Uzbekistan - Malaysia: Opportunities and Initiatives for Achieving Sustainable Development Goals in Higher Education" bertempat di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

Sebagai sebahagian daripada inisiatif tersebut, UTHM telah memeterai MoU dengan Tashkent State Technical University bagi menjalin kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan, dan inovasi teknologi.

Selain itu, UTHM turut menandatangani LoI dengan tiga universiti terkemuka di Uzbekistan iaitu Samarqand Davlat Arxitektura Qurilish Universiteti, Tashkent State Transport University dan Jizzakh Polytechnic Institute.

Kerjasama itu bertujuan untuk memupuk pertukaran pelajar dan tenaga pengajar, memperkasa penyelidikan bersama serta membangunkan program akademik yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sementara itu, pengumuman forum tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia.

Beliau dalam ucapannya menekankan kepentingan jalinan strategik antara institusi pendidikan tinggi dalam memastikan pembangunan mampan dan kemajuan akademik yang lebih holistik.

"Kerjasama antara Malaysia dan Uzbekistan ini merupakan langkah signifikan dalam memperluas jaringan pendidikan tinggi serta memastikan pertukaran kepakaran dan teknologi antara kedua-dua negara," ujar beliau.

Inisiatif itu sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab pendidikan tinggi serantau dan global, sekali gus memperkukuh kedudukan institusi pengajian tinggi negara di peringkat antarabangsa.



UTHM dilantik Rakan Strategik Pendidikan Digital Santuni Madani

BATU PAHAT - Bagi merencanakan lagi pembudayaan digital, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dilantik sebagai Rakan Strategik Pendidikan Digital Santuni Madani kepada Sekolah Kebangsaan Seri Telok, Parit Yaani, Batu Pahat dalam satu majlis peluncuran yang diadakan pada 27 Februari 2025 lalu.

Inisiatif itu merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memperkasakan tahap pembudayaan 'Sekolah Digital' selain melaksanakan strategi yang berkesan dan sekolah yang berupaya mewujudkan persekitaran pembelajaran digital yang dinamik dan inovatif bagi menyediakan murid fasih digital, yang berdaya saing menerusi tiga pendekatan utama iaitu penggunaan teknologi secara integrasi digital, teradun dan dalam talian.

Pengarah Pusat Teknologi Maklumat, Profesor Dr. Nazri Mohd Nawi mewakili UTHM menerima watikah pelantikan daripada Sekolah Kebangsaan Seri Telok sebagai sekolah angkat UTHM.

Bagi menyokong usaha KPM ini, UTHM turut menyumbang sebanyak 10 set robotik kepada Sekolah Kebangsaan Seri Telok.

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tuan Haji Azman Haji Adnan telah hadir menyempurnakan Gimik Peluncuran Sekolah Digital (Santuni Madani).

Hadir sama, Pengarah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), Prof. Madya Ts. Dr. Faridah Kormin dan Pegawai-pegawai universiti.





UTHM raih juara sulung di pertandingan inovasi dan perniagaan 'The GREAT Challenge Demo Day'

SELANGOR – Kumpulan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih juara keseluruhan dan dua hadiah saguhati ketika menyertai pertandingan akhir inovasi dan perniagaan "The GREAT Challenge Demo Day" pada 23 Februari 2025 lalu.

Tiga daripada empat pasukan yang dihantar UTHM telah berjaya meraih tempat setelah berentap bersama 36 pasukan dari pelbagai universiti seluruh Malaysia.

Pasukan RoboBot terdiri daripada lima pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), yang diselia oleh Profesor Madya Ir. Dr. Herdawatie Abdul Kadir dinobatkan juara keseluruhan dan membawa pulang hadiah utama bernilai RM5000 setelah mempertaruhkan inovasi robot penyelesaian masalah yang dinamakan 'MacyBot.'

Robot pintar itu direka khusus untuk mengedarkan ubat secara autonomi dan cekap di pusat penjagaan warga emas.

MacyBot disasarkan untuk melakukan penagihan ubat tepat pada masanya beserta mengurangkan beban kerja kakitangan pada kadar kesalahan sifar.

Pasukan ForgeX yang terdiri daripada lima pelajar dan diselia oleh Profesor Madya Dr. Abu Ubaidah

Shamsudin pula berjaya memperoleh hadiah saguhati bernilai RM1 ribu.

Mereka mempertaruhkan robot pintar 'Eggpal' yang direka dengan pelbagai fokus termasuklah fungsi asas mengesan dan mengira bilangan telur selain menyahjangkit kawasan reban ayam.

Eggpal turut mempunyai kelebihan tersendiri apabila mampu melakukan aktiviti pengesan dan menghalau haiwan perosak seperti ular melalui penggunaan nada bunyi tahap ultrasonik.

Manakala Kumpulan ARISE yang terdiri daripada tiga pelajar FKEE juga diselia oleh Dr. Abu Ubaidah telah memperoleh hadiah saguhati bernilai RM1 ribu setelah mempertaruhkan inovasi robot perkhidmatan dengan tema 'Ai-Powered Assistant Robot.'

Robot itu direka untuk ditempatkan di lapangan terbang dengan konsep 'SMART Airport' yang mempunyai ciri-ciri seperti butang kecemasan yang boleh menghubungi pihak berkuasa, butang mengesan kekosongan tandas di sekitar lapangan terbang, butang soalan lazim dan juga gerai fotografi bergerak yang membolehkan pelancong menggunakan perkhidmatan wifi bergerak untuk memuat naik gambar.

Untuk rekod, penganjur pertandingan dengan kerjasama antara MRANTI, Katapult Asia, SCUTTLE Robotics Asia, Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan Intel Corporation itu bertujuan membangunkan lebih banyak bakat dalam ilmu kemahiran robotik mudah alih autonomi serta membangunkan penyelesaian inovatif untuk menangani cabaran industri.


Pusat Teknousahawan Universiti (PTU), UTHM turut merakamkan penghargaan kepada semua pelajar yang telah berjaya mencipta robot inovasi yang mampu menyelesaikan masalah komuniti dan persekitaran.

Seiring dengan aspirasi Global Technopreneur University (GTU), PTU menyasarkan pembangunan keusahawanan teknologi yang mampu meningkatkan keyakinan dalam diri dan kemampuan pelajar untuk berfikir luar kotak bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat, selaras dengan agenda negara untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development).

Dengan pelaksanaan agenda tersebut, PTU berharap melalui pelaksanaan latihan dan ekosistem yang mampan, pelajar mampu menjadi penyedia kerjaya berbanding pencari kerja suatu hari nanti.



Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide design to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guide researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulating focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tool. It provides details on the software's organization and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

